

# HARI IKATAN MESRA SPPS 2008

## 'One For All and All For One'

Seperti tahun-tahun lepas, sekali lagi pGURU berjaya mengadakan Hari Ikatan Mesra (HIM) SPPS 2008. Exco Sukan dan Rekreasi pGURU yang juga merupakan pengarah HIM 2008, Sdri. Monika Dampa telah memilih Karambunai Beach Resort sebagai destinasi untuk mengeratkan serta merapatkan silaturrahim warga SPPS. Setibanya di Karambunai Beach Resort, para peserta dikehendaki mendaftar untuk mendapatkan reben berwarna warni mengikut warna kumpulan masing-masing. Pelbagai acara menarik telah berlangsung antaranya adalah permainan boling klasik yang menggunakan bola dan botol mineral, bola tampar pantai, pijak belon dan lain-lain lagi. Yuran peserta yang hanya RM5 seorang adalah cukup murah kerana ia merangkumi tiga hidangan makanan iaitu sarapan pagi, makan tengah hari dan minum petang, serta bayaran masuk ke tempat tersebut. Program tersebut tamat pada pukul 5.00 petang di mana majlis perasmian penutupan telah disempurnakan oleh En. Mohd Nizam Nazarudin, selaku wakil Dekan SPPS.